

Dr M selar pemimpin kesatuan kakitangan kerajaan

BN tidak sanggup gadai negara

BU 28 SEP 1985

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Barisan Nasional tidak sanggup menjadikan Malaysia negara yang bankrap, dengan memenuhi ugutan pemimpin-pemimpin kesatuan kakitangan kerajaan, semata-mata kerana mahu memancing undi.

"Kita akan menghadapi cabaran dan ugutan dengan pendirian yang tegas. Tawaran kenaikan gaji yang kita persetujui sudah pun menjejaskan

raja untuk kepentingan perniagaan mereka, supaya menghentikan kegiatan itu.

"Kita tidak mahu sistem raja berpelembagaan disoal rakyat. Kita, Umno khususnya, menjunjung sistem ini dan kita tidak mahu ia dlancah dan dicabar semata-mata kerana kepentingan orang yang tamak," tegasnya.

Katanya, mereka membuat membuat rancangan-rancangan perniagaan yang memikat hati raja-raja dan cuba mendapatkan penyer-taan raja-raja dalam perniagaan mereka.

"Oleh kerana kerajaan

kedudukan kewangan negara. Kita tidak sanggup menggadai negara kerana takut kehilangan kerusi," tegasnya.

Katanya, walaupun sokongan diperlukan untuk menghadapi pilihanraya tidak lama lagi, kerajaan juga bertanggungjawab kepada rakyat keseluruhannya.

Menurutnya, pemimpin-pemimpin kesatuan kakitangan kerajaan akan mengadakan mogok jika tuntutan mereka tidak dilyaikan.

"Apakah kerajaan perlu melayan kakitangannya sahaja tanpa mengambil kira rakyat lain? Saya amat dukacita kerana mereka yang bernasib baiklah yang bercadang mengancam kestabilan negara dan mungkin juga periuk nasi orang lain.

Amaran

"Adakah dengan mengadakan mogok, kita akan mendapat hasil yang banyak untuk membayar gaji tambahan. Tentulah jelas mogok ini akan merosakkan ekonomi negara dan mengurangkan hasil kerajaan.

"Kegiatan perniagaan akan tergendala dan pelabur, dari dalam dan luar negeri, akan takut untuk melabur. Kerja mengutip hasil akan tergendala dan projek-projek pembangunan untuk rakyat pun akan terjejas," tegasnya.

Sebaliknya, kata beliau, tindakan itu bukan sahaja tidak menolong menambah pendapatan kerajaan, malah akan mengurangkan pendapatan dan keupayaan kerajaan menaikkan gaji untuk beberapa tahun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga memberi amaran kepada golongan yang cuba memperalatkan raja-

menghormati raja-raja dan perlembagaan melindungi mereka, orang-orang yang berkepentingan ini berpendapat dengan membabitkan raja-raja, mereka juga akan dilindungi oleh undang-undang, bahkan mereka dapat membela-kangkan segala dasar dan matlamat kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Ekonomi

"Bukan sahaja mereka berharap akan dapat mempengaruhi pihak berkuasa dengan cara ini, tetapi mereka boleh bersaing dengan jayanya dengan pengusaha-pengusaha lain, terutama pengusaha Bumiputera," tegas beliau.

Beliau memberi amaran, golongan ini akan dimasukkan dalam 'senarai hitam' dan segala urusan perniagaan mereka yang membabitkan kerajaan akan dipandang serong dan tidak akan mendapat layanan.

Katanya, kegiatan mereka juga akan didedahkan supaya rakyat tahu siapa yang cuba memburukkan sistem raja berperlembagaan.

Beliau berkata, perbuatan itu akan mencemarkan nama baik raja-raja dan jika dibiarkan berterusan, boleh menyebabkan pandangan rakyat terhadap raja-raja menjadi buruk.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kejayaan orang Melayu dalam bidang ekonomi tidak selalunya membawa kesyukuran kerana ramai yang berjaya dan menjadi kaya tidak puas hati dengan kekayaan semata-mata tetapi mahu tempat dalam politik pula.

"Justeru itu, kita telah lihat penggunaan wang untuk menjayakan pertandingan merebut jawatan dalam Umno, baik di peringkat cawangan, bahagian atau pusat.

"Ramai ahli Umno dibawa makan angin di luar negeri. Banyak juga majlis jamuan diadakan, lengkap dengan syarahan kecil dan doa," tegasnya.